

PANDUAN PERLINDUNGAN DIRI DARIPADA GIGITAN NYAMUK **AEDES**



1. Memakai pakaian berlengan panjang dan berwarna cerah ketika keluar rumah.
2. Gunakan repelan nyamuk (mosquito repellent) setiap kali berada di luar rumah **TERUTAMA** pada awal pagi dan lewat petang.



Repelan nyamuk adalah sejenis bahan yang disapukan pada bahagian kulit, pakaian atau permukaan badan lain untuk menghalang dan mencegah nyamuk (atau arthropod lain) daripada hinggap dan menggigit manusia. Repelan nyamuk boleh dibeli di farmasi dan kedai serbaneka. Senarai outlet yang menjual repelan boleh didapati di [Facebook CPRC Kementerian Kesihatan Malaysia](#).

Cara Penggunaan Repelan Nyamuk:

- Baca arahan penggunaan pada label produk.
- Repelan nyamuk perlu disapu/dipakai pada bahagian kulit yang terdedah.
- Elakkan menyapu repelan nyamuk pada kulit yang luka.

Penggunaan repelan nyamuk hanya melindungi diri anda daripada gigitan nyamuk tetapi tidak membunuh nyamuk. Langkah paling berkesan menghapuskan nyamuk Aedes adalah dengan memusnahkan bekas-bekas yang boleh menampung air bagi mencegah pembiakan nyamuk Aedes.

